

Menjual air daun ketum, jadikan rumah sebagai markas memproses bahan tersebut

# Peniaga ketum anak beranak

Oleh AHMAD SYAHIR KASSIM  
syahir.kassim@kosmo.com.my

**JERLUN** - Kegiatan jenayah yang mendatangkan untung berlipat kali ganda memang tidak pernah menginsafkan pelakunya biarpun telah beberapa kali diserbu polis.

Terbaru, polis menahan tiga lelaki bersaudara yang aktif menjual air daun ketum dengan menjadikan rumah masing-masing sebagai markas memproses bahan tersebut.

Serbuan pukul 12.30 tengah hari di Kampung Tandop Kedabu, Kuala Jerlun di sini semalam itu dilakukan selepas polis menjalankan risikan serta intipan.

Difahamkan, salah seorang suspek berusia 20 tahun yang ditahan itu mewarisi perniagaan tersebut daripada bapanya berusia dalam lingkungan 60-an.

Dua lagi yang merupakan bapa

dan anak berusia 65 dan 20 tahun ditahan setengah jam kemudian di kawasan berdekatan. Mereka didapati telah menanam kira-kira 50 batang pokok ketum di kawasan rumah masing-masing.

Pegawai Operasi Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah, Cif Inspektor Mohd. Shahrhan Tarmizi berkata, serbuan tersebut merupakan kali keempat dilakukan di lokasi tersebut.

"Dalam serbuan pada Januari dan Mei lalu kita telah menahan bapa remaja tersebut dan merampas daun ketum dan airnya yang siap diproses.

"Tadi (semalam) pula, kita menahan anak, dua saudaranya serta seorang pelanggan dan merampas 140 bungkus air daun ketum dan 11 kilogram daunnya yang dianggarkan bernilai RM1,000," katanya.

**Kita merampas 140 bungkus air ketum dan 11 kilogram daunnya**

**MOHD. SHAHRAN**

Tambahnya, selain itu, pihaknya turut merampas dapur, periuk besar, tong gas dan dua tungku untuk memproses daun ketum.

Menurut Mohd. Shahrhan, untuk mengelakkan rumah mereka sesak, remaja terbabit menyorokkan sebahagian air daun ketum di sebatang pokok di sungai belakang rumah.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 30(3) Akta Racun yang memperuntukan denda RM10,000 atau penjara empat tahun.

*Kosmo 21/07/2010 M156*



**MOHD. SHAHRAN** menunjukkan sebahagian air daun ketum yang dirampas daripada tiga suspek dalam serbuan di Jerlun, Kedah semalam.